

**SPEECH BY ASSOC PROF MUHAMMAD FAISHAL IBRAHIM
SEMARAK WARISAN @ NEE SOON GRC
KARNIVAL KESIHATAN DAN KELUARGA
SATURDAY, 28 SEPTEMBER 2019**

Menteri K Shanmugam,
Er Dr Lee Bee Hwa,
Encik Louis Ng,
Encik Henry Kwek, rakan- rakan Anggota Parlimen, GRC Nee Soon,
Para tetamu yang dihormati,
Teman-teman dan para penduduk GRC Nee Soon,
Selamat petang dan salam sejahtera!

Sebelum saya memberi ucapan izinkan saya berpantun,

**Tingkap papan kayu bersegi,
Sampan sakat di Pulau Angsa,
Indah tampan kerana budi,
Tinggi darjat kerana Bahasa**

1. Bulan Bahasa pertama kali dilancarkan pada tahun 1988 oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura sebagai satu inisiatif untuk menggalakkan masyarakat Melayu menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian mereka. Pengguna Bahasa Melayu ialah pewaris bahasa Melayu untuk memastikan bahasa Melayu dilestarikan menerusi penggunaan yang berterusan.

Aktiviti Di GRC Nee Soon

2. GRC Nee Soon banyak menganjurkan acara untuk mempromosikan penggunaan bahasa Melayu yang betul serta mempromosikan budaya dan kesusastraan Melayu. Kami bekerjasama dengan sekolah-sekolah di Nee Soon serta rakan-rakan lain seperti M3@Nee Soon dan masjid-masjid setempat.

Acara yang dilakarkan termasuk Ops Membaca, Wira Pintar (iaitu Kelas membaca) dan Kelas memasak di Kelab Masyarakat di daerah Nee Soon.

3. Keunikan Bulan Bahasa tahun ini di GRC Nee Soon, kami mengambil inisiatif menggabungkan Bulan Bahasa beserta dengan Karnival Kesihatan dan Karnival Keluarga. Bahasa boleh digabungkan melalui pelbagai acara dan gaya.

Sokongan Kuat Pemerintah Bagi Bahasa Ibunda

4. Dalam konteks kehidupan di Singapura, secara lumrahnya, kita sering menggunakan Bahasa Inggeris dalam komunikasi sehari-hari. Ruang dan peluang untuk menggunakan Bahasa Melayu amat terhad. Pada masa yang sama, sebagai masyarakat yang berakarkan warisan bahasa ibunda, kita mempunyai keinginan untuk menggunakan bahasa Melayu kerana kita mempunyai jati tersendiri sebagai orang Melayu. Oleh itu, Bulan Bahasa merupakan wadah penting kerana menyediakan ruang dan peluang untuk kita menyemarakkan penggunaan bahasa Melayu.

5. Pemerintah akur dengan kedudukan dan keadaan bahasa ibunda di Singapura. Berlandaskan dasar dwibahasa kita, keutamaan tetap akan diberikan kepada bahasa ibunda kita. Jaminan yang dapat saya berikan ialah sokongan pemerintah bagi bahasa ibunda secara am dan bagi bahasa Melayu khususnya tidak akan berkurangan; walhal, semakin bertambah. Contohnya, dana purata yang diperuntukkan oleh MLLPC bagi setiap aktiviti Bulan Bahasa telah bertambah sepanjang 3 tahun dahulu, **dari \$4,933.96 untuk tahun 2017 ke \$6,525.13 untuk tahun 2018 ke \$8,169.30 untuk tahun ini.**

6. Mutu program-program yang dilakarkan juga telah meningkat, tahun demi tahun, seperti sambutan Bulan Bahasa di Nee Soon

pada tahun ini. Kita juga dapat melihat kerjasama yang lebih meluas dan mendalam di kalangan penduduk-penduduk yang datang dari latar belakang yang berlainan, badan-badan masyarakat dan sekolah-sekolah. Ini memberi peluang untuk mendapatkan penglibatan yang lebih luas bagi semua.

7. Kebanyakan aktiviti Bulan Bahasa dianjurkan oleh pertubuhan bahasa dan kumpulan seni dan budaya setempat. Namun sejak kebelakangan ini gerakan dan inisiatif untuk menganjurkan pelbagai aktiviti kebahasaan daripada akar umbi amat memberangsangkan. Bagi saya ini merupakan cerminan masyarakat kita yang masih bangga akan jati diri kita. Oleh itu, usaha ini perlu kita galakkan dan teruskan.

8. Sekalung tahniah dan syabas pada semua ahli jawatankuasa MAEC di GRC Nee Soon kerana telah bertungkus lumus menjayakan program yang amat bermakna ini. Saya akhiri ucapan saya dengan serangkap pantun,

**Ayuh kita menjaga martabat,
Bahasa ibunda perlu di nobat,
Bahasa utama perlu ditambat,
Seindah wirama Bahasa hebat.**